

**PSIKODRAMA MODEN DAN TRADISIONAL; KAJIAN  
MENGENAI KESAMAAN STRUKTUR DAN ELEMEN**

**ABDULLAH IDRIS**

**C17A0001**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

UNIVERSITI

2022

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PSIKODRAMA MODEN DAN TRADISIONAL; KAJIAN  
MENGENAI KESAMAAN STRUKTUR DAN ELEMEN**

**Oleh**

**ABDULLAH IDRIS**

**C17A0001**

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
KEHENDAK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN  
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti  
berhak seperti berikut.

Kelantan

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:



Tandatangan

Tandatangan Penyelia

NAMA: ABDULLAH IDRIS

NAMA: DR. RAJA ISKANDAR RAJA HALID

TARIKH: 24.2.2022

TARIKH: 25.2.22

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha Pemurah dan Maha Mengasihani, syukur keatas hadratnya kerana dengan kekuatan dan izinnya, dapat disiapkan kajian ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah selaku penyelia kepada penyelidikan ini, Dr. Raja Iskandar Raja diatas bimbingan dan nasihatnya yang telah membuka ruang untuk menjalankan dan menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa bimbingan, mungkin penyelidikan ini tidak akan lengkap.

Tidak lupa juga kepada tulang belakang yang sering memberi sokongan dan doa yang tidak putus-putus untuk memastikan kejayaan projek ini, Encik Idris Said dan Puan Farizah Abd Rahman, ibu bapa yang selalu dikasihi dan disayangi. Terima kasih kerana sokongan terus menerus mereka telah menjadi azimat dan kekuatan dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Ucapan pengharagaan juga kepada para pensyarah yang lainnya, khususnya pensyarah Seni Persembahan yang banyak memberi galakkan moral yang diperlukan. Tidak lupa juga kepada rakan taulan yang tidak putus membantu menyenangkan perjalanan kajian ini. Setinggi-tinggi buat anda semua.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang telah terlibat enjayakan projek ni, secara langsung mahupun tidak langsung. Diharapkan kajian ini memberi sedikit sebanyak pengetahuan dan manfaat kepada kalian.

## JADUAL KANDUNGAN

	Perkara	Muka Surat
JADUAL KANDUNGAN		v
ABSTRAK		vii-viii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>		
1.0 Pendahuluan		1-3
1.1 Permasalahan Kajian		4-5
1.2 Objektif Kajian		6
1.3 Persoalan Kajian		7
1.4 Skop Kajian		8
1.5 Kepentingan Kajian		8-9
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b>		
2.0 Kajian Literatur		10
2.1 Artikel/Jurnal		10-12
<b>BAB 3: METODOLOGI</b>		
3.0 Metodologi Kajian		13
3.1 Pendekatan Kajian		13
3.2 Rekabentuk Kajian		14-15
3.3 Persampelan		15

3.4 Analisis Data	16-17
3.5 Kesimpulan	18
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	19
4.1 Latarbelakang Informan	20
4.2 Perbandingan Struktur Persembahan	21
4.2.1 Struktur Persembahan Drama Terapi	21-25
4.2.2 Struktur Persembahan Main Puteri	25-27
4.3 Persamaan Struktur	28-29
4.4 Elemen-Elemen Persembahan	30
4.4.1 Elemen Drama Terapi	30-37
4.4.2 Elemen Main Puteri	37-41
4.5 Persamaan Elemen	41-43
<b>Bab 5: Penutup</b>	
5.0 Pengenalan	44
5.1 Perbincangan	45-46
5.2 Cadangan	47-48
5.3 Kesimpulan	49
<b>RUJUKAN</b>	50-51

## ABSTRAK

Psikodrama telah ditakrifkan sebagai satu kaedah amalan hidup yang tidak terikat dengan hukuman dan kesalahan. Aksi yang berlaku dalam sesi berkumpulan adalah cara melihat kehidupan seseorang semasa ia bergerak. Ia adalah satu cara untuk mengalami apa yang berlaku dan apa yang tidak berlaku dalam situasi tertentu. Semua adegan berlaku pada masa kini, walaupun seseorang itu mungkin ingin mencipta kembali sesuatu daripada masa lalu atau sesuatu di masa hadapan. Kumpulan itu melakonkan sebahagian daripada kehidupan yang dilihat melalui mata protagonis (atau subjek sesi tersebut). Representasi kebenaran peribadi oleh protagonis boleh membuka mata sorang yang menonton, dan mungkin melihat cerminan diri mereka dalam perjuangan untuk menyatakan apa yang sebenar. Main Puteri dan Drama Terapi merupakan sebahagian dari pecahan bentuk-bentuk psikodrama yang ada dan dimainkan oleh masyarakat mengikut topografinya tersendiri. Elemen terapeutik di dalam psikodrama mampu memberi kesan di dalam kehidupan seseorang, membawa kepada perubahan yang lebih positif

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRACT

Psychodrama has been defined as a method of practicing living that is not bound by punishment and offense. The action that takes place in a group session is a way of looking at one's life as it moves. It's a way to experience what happens and what doesn't happen in a particular situation. All scenes take place in the present, although one may want to recreate something from the past or something in the future. The group acts out a part of life seen through the eyes of the protagonist (or the subject of the session). Representations of personal truth by the protagonist can open the eyes of the viewer, and perhaps see a reflection of themselves in the struggle to express what is real. Mian Puteri and Drama Therapy are part of the breakdown subgenre of psychodrama forms that exist and are played by the community according to its own topography around the world. Therapeutic elements in psychodrama are able to have an impact in a person's life, leading to more positive changes

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.0 PENDAHULUAN

Teater terapi atau dikenali juga sebagai psikodrama merupakan satu bentuk pendekatan yang menggabungkan elemen teater dan kaunseling di dalam pelaksanaannya, bagi tujuan pemulihan seseorang atau sekumpulan individu berfokuskan kepada aspek emosi dan konflik dalaman. Merujuk kembali kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, istilah ‘teater’ disebut sebagai bangunan yang di dalamnya memuatkan pentas mempersembahkan drama, muzik, hiburan dan sebagainya untuk ditonton oleh orang ramai. Pengistilahan kata ‘terapi’ pula merujuk kepada rawatan sesuatu penyakit fizikal atau mental secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubatan atau pembedahan. Manakala kata ‘psikodrama’ merujuk kepada teknik psikoterapi secara berkumpulan yang menghendaki pesakit melakonkan dan meluahkan segala masalah yang sedang dihadapinya.

Di dalam bukunya yang berjudul *Psychodrama* (1999), Paul Wilkins menyimpulkan bahawa psikodrama merupakan “...an action method of psychotherapy and personal growth which relies on upon the innate spontaneity and and creativity of human beings...” selain menyatakan juga bahawa psikodrama sebagai salah satu bentuk bentuk psikoterapi yang memberi impak kepada manusia secara holistik selain daripada bertindak sebagai sesi kaunseling.

Psikodrama merupakan satu istilah yang popular di dunia barat dan dikatakan sebagai satu revolusi dalam membantu pemulihan emosi individu. Namun, tanpa disedari, Alam Melayu

khususnya di kawasan Kelantan turut mempunyai bentuk psikodramanya yang tersendiri dikenali sebagai Main Puteri. Satu bentuk psikodrama tradisional Alam Melayu yang kini menjadi tabu kerana dianggap mistik dan khurafat. Walhal, menurut Muhamed Ghouse Nasruddin dalam jurnalnya yang berjudul Main Puteri Traditional Malay Healing Ceremony (2014) iaitu “*Main Puteri, a traditional therapeutic healing process, treats mainly psychosomatic ailments, psychological neurosis, depression or those who needs to revitalize their psychic energy called angin.*”, tanpa menyatakan sebarang bentuk gangguan makhluk halus atau unsur-unsur khurafat. Melalui petikan ini maka dapat dibuat kesimpulan awal bahawa terdapat juga bentuk perubatan psikoterapi di dalam Alam Melayu. Namun setakat ini, masih belum ada kaedah atau cara untuk menilai apa yang disebut ‘angin’ secara ilmiah.

Penstrukturan bagi kedua-dua bentuk psikodrama ini turut mempunyai beberapa persamaan. Bermula dengan pemainnya yang melibatkan pesakit dan pengendali yang terlatih. Didalam kes main puteri, pengendali tersebut disebut sebagai Tok Teri dan Tok Minduk. Tok Teri sebagai pengendali pesakit manakala Tok Minduk pula sebagai pemain rebab dan pembantu Tok Teri dalam menetapkan rentak persembahan dan proses perubatan.

Main Puteri turut menggunakan elemen terapi berbentuk muzik, melalui intervensi Tok Minduk sebagai pemain rebab dan ketua bagi pemuzik Main Puteri. Penggunaan alatan muzik sebagai bentuk terapi juga telah banyak dibuktikan keberhasilannya. Di dalam jurnal *The Effect of Music Therapy on Depression and Anxiety* (2015) menyebut berkenaan keberkesanan terapi muzik dan kesannya keatas kesihatan mental. Pendedahan kepada muzik (di dalam rangka terapeutik) akan memberi ruang kepada pesakit untuk melihat sesuatu dalam perspektif yang baru

dan melalui pengalaman ini mampu memberi satu kawalan sendiri yang lebih positif. Main Puteri merupakan satu bentuk teater terapi yang lebih holistik dengan unifikasi psikoterapi dan terapi akustik.

Untuk penyelidikan ini, pengkaji telah berkerjasama dengan pengamal psikodrama moden iaitu Prof. Madya Dr. Andika Aziz Husin dan juga Wan Muhd Azmi Wan Abdul Rahman, seorang penggiat yang fasih dalam ilmu kesenian warisan Kelantan termasuklah Main Puteri. Sepanjang penyelidikan ini, pengkaji telah diajar tentang kaedah dan pelaksanaan bagi kedua-dua bentuk psikodrama moden dan tradisional untuk meluaskan pemahaman dan memperkukuhkan kajian.

## 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Masalah yang telah membawa pengkaji untuk melaksanakan kajian ini adalah bagi melihat setiap kelebihan dan kekurangan yang membuatkan psikodrama tradisional Melayu, Main Puteri semakin ditelan zaman, berbanding psikodrama moden yang sentiasa terlihat segar. Ini amat penting kerana selain daripada kepentingan perubatan yang Main Puteri tawarkan, ia juga merupakan satu bentuk warisan budaya tidak ketara kepada negeri Kelantan yang perlu dijaga sebagai satu bentuk identiti rakyat.

Seterusnya, permasalahan juga timbul untuk melihat persamaan struktur pelaksanaan kedua psikodrama tersebut. Ini untuk mencari sifat universal sesebuah psikodrama, tanpa mengambil kira moden dan tradisional. Melalui penemuan sedemikian, maka satu kaedah pemulihan yang lebih berkesan akan dapat diwujudkan di masa akan datang. Ia juga akan mengukuhkan lagi kajian dan pengistilahan akademik (melalui penempelan istilah yang kini dipakai di dalam penstrukturan psikodrama moden) untuk Main Puteri supaya boleh diakses pengkajiannya kepada para pengkaji antarabangsa.

Akhir sekali, masalah penerimaan masyarakat keatas Main Puteri. Ini kerana pengharaman yang dibuat oleh kerajaan negeri Kelantan keatas persembahan Main Puteri akibat tuduhan khurafat dan mengandungi elemen syirik dalam sudut pandangan agama Islam. Elemen mistisisme ini dianggap kolot dan ketinggalan zaman. Perkara ini telah mematikan terus usaha untuk melestarikan dan mengekalkan warisan budaya tidak ketara Kelantan tanpa melihat kepada faktor-faktor lain seperti keberkesanan Main Puteri itu sendiri, pemodenan dan perluasan kendalian kes,

akses masyarakat terhadap perkhidmatan psikoanalisis dan psikoterapi, serta peluang pemasaran pelancongan budaya di Kelantan itu sendiri. Kajian ini adalah untuk membolehkan kerajaan negeri melihat semula isu pengharaman ini supaya diangkat dan dibersihkan unsur-unsur sebegitu supaya mampu diteruskan seiring dengan teater terapi moden.



## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggariskan 2 objektif sahaja iaitu:

- 1.2.1 Untuk mengenalpasti dan mencari persamaan terhadap struktur konseptual persembahan kedua-dua bentuk psikodrama.
- 1.2.2 Untuk melihat persamaan konseptual bagi elemen-elemen yang membentuk kedua jenis psikodrama tersebut.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan yang terdapat dalam kajian ini ialah:

- 1.3.1 Sejauh manakah persamaan struktur dalam kedua-dua psikodrama tersebut?
- 1.3.2 Apakah persamaan dalam elemen yang membentuk kedua-dua psikodrama tersebut?

#### **1.4 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di negeri Kelantan. Secara spesifiknya, kajian dijalankan di dua daerah Bachok dan Kota Bharu melalui dua orang sumber yang penting iaitu Prof. Madya Dr. Andika Aziz Husin di Bachok dan Wan Muhd Azmi Wan Abdul Rahman di Kota Bharu. Kajian akan memfokuskan kepada persamaan konseptual dalam penstrukturan kedua-dua bentuk psikodrama bagi mengetahui kelebihan dan kekurangan bagi keduanya. Seterusnya adalah untuk menggariskan struktur pelaksanaan kedua-duanya untuk melihat prosesnya dengan lebih faktual. Terakhir adalah untuk menentukan elemen-elemen yang membentuk kedua-dua psikodrama yang mencari persamaan dalam bentuk konseptual juga.

#### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Melalui kajian dan penyelidikan yang dijalankan ini akan membuka satu pencerahan baru tentang kelebihan kepada proses pemulihan terapeutik tradisional dan moden, sekali gus dapat menghapuskan stigma mengenai isu ketinggalan zaman terhadap Main Puteri. Ini akan mengembangkan lagi permintaan terhadap Main Puteri dan mengangkat martabatnya sebagai warisan budaya tidak ketara masyarakat Melayu di Kelantan.

Berdasarkan kajian ini juga, diharapkan akan dijadikan sebagai bahan rujukan di institusi-institusi pendidikan mengenai psikodrama moden dan Main Puteri. Melalui penghasilan dan penamaan struktur yang lebih bersifat akademik terhadap kedua bentuk psikodrama itu, ia akan



membuka peluang kepada pengkajian yang lebih mendalam dan diterima oleh pengkaji luar. Seterusnya membuka mata masyarakat kepada keberkesanan kaedah psikoterapi khususnya Main Puteri.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 KAJIAN LITERATUR

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan mengenai tajuk penyelidikan yang dibuat berdasarkan kajian terdahulu. Hal ini kerana untuk menerangkan secara terperinci mengikut tajuk yang dibuat. Selain itu, pengkaji juga telah mencari kajian - kajian atau sumber rujukan berkaitan dengan tajuk kajian ini berdasarkan artikel - artikel yang dibuat oleh para penyelidik.

Kajian ini dibuat dengan menfokuskan kepada dua bentuk psikodrama yang berbeza. Satunya menggunakan pengkaedahan tradisional dalam pelbagai sudut bermula dari diagnosis sehingga kaedah terapi manakala yang kemudiannya pula lebih mementingkan elemen yang bersifat akademik untuk mengimbangi antara emosi dan logik dan proses terapi.

#### 2.1 ARTIKEL/JURNAL

Di dalam kumpulan jurnal *The Handbook of Psychodrama* (1998), Marcia Karp di dalam esainya *An Introduction to Psychodrama* menulis tentang definisi psikodrama sebagai cara untuk mengamalkan kehidupan tanpa dihukum kerana membuat kesalahan. Psikodrama, asasnya mempunyai tiga komponen iaitu *the warm-up*, *the action*, dan *the sharing*. Bermula dengan the

*the warming-up* yang bertujuan untuk mewujudkan kepercayaan di antara klien dan dan pengarah psikodrama. *The action* akan berlangsung setelah itu, dengan penglibatan lima instrumen iaitu *the stage, the protagonist, the group, the auxiliary ego*, dan yang terakhir *the director*. Sesi akan berakhir dengan *the sharing* sebagai satu katarsis dan integrasi emosi. Ia juga bertujuan untuk menenangkan kembali keadaan setelah melalui proses *the action*. Walau bagaimanapun, beliau tidak sesekali mengaitkan ia dengan sebarang bentuk psikodrama tradisional baik yang asal di kawasan sekitarnya apatah lagi psikodrama yang asli di Tanah Melayu.

Main Puteri pula, menurut Muhamed Ghouse Nasruddin, adalah satu bentuk teater yang memakai elemen-elemen Mak Yung di dalam pelaksanaannya melalui alatan muzik rebab, pergerakan dan juga ‘titih - titih’ yang berkaitan. Berlainan dengan psikodrama moden yang memerlukan persediaan yang minimal, Main Puteri memasukkan elemen muzik di dalam pelaksanaannya sebagai alat bantu terapi. Beliau juga menyatakan perihal penyakit yang selalu diubati bagi kes Main Puteri ini. Di dalam jurnalnya yang bertajuk *Main Puteri Traditional Malay Healing Ceremony* (2014), beliau lebih mengetengahkan konsep mistisisme serta kerangka ideologi bagi persembahan Main Puteri itu sendiri. Antara perkara yang lebih diberi perhatian adalah perihal penyakit angin/semangat sebagai penyakit utama yang mampu diubati dengan pelaksanaan psikodrama ini, kemudiannya ucap, ritual dan penggunaan *paraphernalia* sebagai radas untuk mengukur tahap keparahan pesakit. Namun begitu, beliau mengelak bersikap bias dan turut mengaitkan kepercayaan mistisisme ini sedikit sebanyak perihal Main Puteri di dalam konteks klinikal (perkaitan ini hanya dibuat singkat di dalam satu perenggan sahaja) dengan menyebut “Traditionally, it is believed that when the psychic energy is in a state of imbalance, the person

*exhibits psychosomatic cerebral and emotional aberrations and inconstancies, which are explained as being possessed by spirits/demons and other beings from the nether world.”*

Sumber rujukan lainnya juga menyokong dan menambah kepada kenyataan M. Ghouse Nasrudin berkenaan. Kajian yang dibuat oleh Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos bertajuk *Simptom-Simpton Penyakit Dalam Main Puteri: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas, Kelantan* (2011) turut menyatakan bahawa penyakit utama yang memerlukan perubatan Main Puteri ini ialah penyakit angin, dan penyakit terkena buatan orang. Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan disini penyakit moden yang mampu diubati. Ataupun boleh juga dikatakan tiada diagnosis lanjut keatas pesakit untuk menentukan kesamaan kes.

Berlaku sedikit kepincangan di dalam rujukan-rujukan ini dimana tiada perkaitan dan kajian perbandingan diantara kedua bentuk psikodrama ini walaupun diklamasi sebagai salah satu bentuk teater yang bersifat terapi. Satu lagi permasalahan yang timbul adalah berkenaan dengan diagnosis pesakit dimana kita dapati psikodrama moden mampu membantu proses penyembuhan bagi masalah kesihatan mental klinikal manakala psikodrama tradisional iaitu Main Puteri pula lebih kearah penyakit yang berkaitan dengan elemen mistisisme. Ini telah mengukuhkan lagi alasan untuk meneruskan kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam bahagian ini, pengkaji menghuraikan kaedah atau metodologi kajian yang digunakan dalam menghasilkan penyelidikan ini. Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dalam sesuatu kajian yang telah dijalankan. Selain itu, pengkaji menerangkan pendekatan yang digunakan supaya ianya bersesuaian dengan tajuk kajian. Pengkaji juga turut menerangkan kaedah kajian yang sesuai dalam kajian ini sama ada kaedah kualitatif atau kaedah kuantitatif serta jenis persampelan yang digunakan.

#### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Pendekatan kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah secara temubual dan observasi untuk membuat perbandingan antara keduanya. Pendekatan ini merupakan kaedah dimana pengkaji sendiri meneroka ke kawasan kajian untuk mendapatkan data kajian. Pengumpulan data dalam pendekatan ini adalah dengan melalui pemerhatian, temuduga, bahan audiovisual, dokumen dan laporan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan *case study* di dua daerah iaitu Bachok dan Kota Bharu melalui temubual dan pemerhatian.

## 3.2 REKABENTUK KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang bersesuaian dengan pendekatan kajian ini. Hal ini kerana pengkaji menjalankan kaedah temubual dan pemerhatian pada setiap sesi psikodrama yang dijalankan. Selain itu, dalam pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan data primer dan data sekunder dalam kajian ini.

### 3.2.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang diperoleh daripada sumber pertama iaitu sumber yang diterima secara langsung. Selain itu, pengkaji telah mendapatkan data - data melalui kaedah temu bual dan juga kaedah pemerhatian.

#### i) Kaedah Temubual

Kaedah temubual yang dijalankan oleh pengkaji merangkumi kedua pengamal psikodrama moden dan tradisional bagi tujuan pengumpulan data langsung dan juga sebagai cara untuk lebih memahami setiap bentuk psikodrama yang berbeza.

#### ii) Kaedah Pemerhatian

Pengkaji juga telah menjalankan kaedah pemerhatian dalam kajian ini, dimana pengkaji sendiri telah melibatkan diri dalam kedua sesi psikodrama yang tersebut

bagi memahami lebih mendalam tentang kesan pemulihan setiap psikodrama dengan bantuan kedua pengamal tersebut.

### **3.2.2 Data Sekunder**

Data sekunder merupakan data daripada sumber kedua atau sumber yang tersedia ada. Data ini juga diperolehi daripada mana - mana sumber yang ada untuk dijadikan sebagai rujukan dalam sesuatu kajian. Selain itu, data sekunder juga merupakan sumber - sumber luaran seperti surat khabar, buku, jurnal, artikel, internet dan sebagainya.

#### **i) Rujukan**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan pelbagai rujukan berdasarkan tajuk kajian ini. Sumber rujukan yang diperolehi adalah berdasarkan sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan kaunseling, penyakit mental, Main Puteri, psikodrama dan sosiodrama. Sumber-sumber tersebut diperolehi melalui pencarian secara perpustakaan dan juga di atas talian.

### **3.3 PERSAMPELAN**

Persampelan merupakan proses dimana pengkaji mengumpul data dalam sesuatu kajian melalui pemilihan suatu kumpulan subjek misalnya seperti orang, institusi, tempat atau keadaan persekitaraan. Hasil daripada kaedah persampelan, pengkaji telah memperolehi maklumat -

maklumat yang berkaitan dengan secara terperinci. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan persampelan tujuan atau dikenali *Purposive Sampling* dimana persampelan ini, pengkaji akan merujuk kepada sekumpulan subjek yang mempunyai ciri - ciri tertentu. Misalnya, sekumpulan subjek yang hanya mempunyai pengetahuan dalam kajian ini sahaja telah dipilih oleh pengkaji. Hal ini bermakna, tidak semua subjek dipilih oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai responden.

### **3.4 ANALISIS DATA**

Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat analisis data bermula proses transkripsi data. Dalam proses ini pengkaji telah mentafsir catatan serta nota yang diambil sepanjang sesi temubual kemudian diubah ke dalam bentuk penulisan yang lebih berkualiti. Hal ini bermakna segala catatan nota sepanjang temubual bersama responden adalah sangat penting dalam pengumpulan data. Secara tidak langsung, proses ini memberikan pengalaman kepada pengkaji dalam mentafsir data - data yang diambil ke dalam bentuk penulisan.

Kemudian proses yang kedua ialah proses pembacaan semula dimana pengkaji membuat pembacaan serta menganalisis sumber - sumber kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian, Tujuan proses ini dijalankan adalah untuk mencari bahan rujukan ketika membuat kajian ini serta. Selain itu, untuk memastikan tiada permasalahan yang berlaku ketika membuat penulisan dalam kajian. Malah, pengkaji juga dapat mengetengahkan beberapa maklumat - maklumat yang



penting berkaitan dengan tajuk kajian. Melalui proses ini juga, dapat memberikat sesuatu pengetahuan yang baru kepada pengkaji.

Setelah proses membuat analisis terhadap kajian - kajian terdahulu, pengkaji telah menjalankan pembahagian kumpulan. Dalam proses ini, pengkaji telah membuat pembahagian data berdasarkan objektif serta persoalan kajian yang telah ditetapkan. Pembahagian data telah dibuat berdasarkan objektif yang pertama iaitu mengenalpasti proses - proses mendapatkan spesimen dan juga mengenalpasti proses - proses mengawet spesimen menggunakan resin. Dengan pembahagian data yang dibuat ini, pengkaji mendapat maklumat yang bersesuaian dan dapat menjawab persoalan - persoalan dalam kajian ini.

Langkah seterusnya ialah langkah terakhir iaitu proses triangulasi. Proses ini merupakan proses mengabungkan sumber data, tenaga pengkaji dan kaedah - kaedah yang terdapat dalam metodologi kajian yang digunakan sepanjang kajian ini dilakukan. Hal ini kerana, perkara - perkara tersebut mempunyai kaitan dalam memastikan setiap proses - proses yang dilakukan tersebut adalah sah. Selain itu, data - data yang telah diperolehi hasil daripada temu bual, pemerhatian termasuk bahan - bahan rujukan seperti jurnal, buku, artikel yang terdapat dalam internet telah digabungkan menjadi maklumat yang lengkap.

Hasil daripada proses analisis data yang dijalankan, dapat mempengaruhi keputusan akhir. Hasil daripada proses ini membuatkan setiap objektif yang digariskan oleh pengkaji tercapai mahupun tidak.

### 3.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, jelaslah bahawa kajian mengenai perbandingan bentuk psikodrama moden dan tradisional merupakan satu keperluan dalam menentukan kelebihan dan kekurangan serta keberkesanan bagi setiap kaedah pelaksanaan yang tersendiri. Kajian ini juga dilihat sebagai satu langkah dalam mewujudkan satu teater berbentuk terapi yang lebih universal. Seterusnya, melihat kepada sudut pengekal warisan budaya tidak ketara, dalam konteks ini merujuk kepada Main Puteri, akan lebih diperhalusi dan diperkuat, hasil dari penambahan kajian akademik yang dijalankan keatas seni Main Puteri. Juga dapat memurnikan sedikit struktur Main Puteri supaya boleh di silibuskan, seperti mana yang di buat oleh psikodrama moden melalui usaha orang-orang seperti Paul Wilkins dan Marcia Karp.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Hasil kajian yang telah diselidik melalui proses-proses kajian lapangan serta temu bual bersama penggiat akan dicatat dan dinilai semula di dalam bab ini. Perincian maklumat akan dibuat secara lebih menyeluruh dan jelas.

Hasil dapatan kajian ini akan kemudiannya diselaraskan dengan objektif utama kajian seterusnya menjawab semua persoalan pengkaji. Hasil kajian ini juga terarah melalui penetapan skop dan batasan kajian bagi memastikan focus yang jelas kearah mencapai objektif kajian.

#### 4.1 LATAR BELAKANG INFORMAN

Pengkaji telah menemu ramah dua orang informan yang bergiat aktif di dalam bidang masing-masing iaitu Prof. Dr. Andika Aziz Husin, seorang pensyarah di Universiti Sains Malaysia yang juga merupakan seorang penggiat dan pengkaji teater terapi moden. Kajian kedoktoran beliau juga adalah berkenaan keberkesanan teater terapi dalam membentuk jatidiri remaja di pusat pemulihan akhlak.

Informan seterusnya adalah seorang penggiat Main Puteri iaitu Encik Wan Muhd Azmi Wan Abdul Rahman, pensyarah sambilan di Universiti Malaysia Kelantan, UMK yang mengajar subjek Teater Tradisional Kelantan termasuklah Wayang Kulit, Mak Yong (bersama isterinya, dikenali sebagai Kak Mira) dan juga Main Puteri. Lepas Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Teknologi Mara, UiTM dan menjadi pensyarah muzik disana hasil kebolehan beliau bermain serunai Kelantan. Beliau banyak terlibat dengan kesenian tradisional Kelantan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 4.2 PERBANDINGAN STRUKTUR PERSEMBAHAN

Struktur bagi kedua bentuk persembahan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Bermula dengan teater terapi moden yang mengikut acuan Moreno mempunyai struktur yang sudah jelas dan sering dijadikan rujukan untuk para penggiat masa kini. Adapun juga Main Puteri ini juga mempunyai struktur persembahannya yang tersendiri mengikut kata encik Wan Azmi.

Struktur persembahan merupakan satu perkara yang dapat membezakan antara satu bentuk persembahan kepada persembahan yang lain. Ia menggerakkan persembahan dari satu titik ke titik seterusnya mengikut acuan pemainnya. Dalam bahasa mudahnya, ia bertindak sebagai kerangka kepada sesebuah persembahan. Pengkaji, melalui kajian yang telah dijalankan telah dapat mengenal pasti struktur kedua-dua bentuk persembahan teater terapi yang dikaji.

### 4.2.1 STRUKTUR PERSEMBAHAN DRAMA TERAPI

Struktur persembahan bagi teater terapi moden ini menurut informan, Profesor Dr. Andika Aziz Husin, bergantung kepada jenis teater terapi yang ingin dibuat. Informan, sebagai salah seorang pengamal teater terapi menyatakan bahawa beliau membawa dua bentuk teater terapi yang berbeza iaitu teater forum dan drama terapi. Adapun untuk kajian ini, pengkaji telah menetapkan untuk hanya mengkaji drama terapi sebagai *subject matter* kepada kajian ini.

Pelakon (pesakit) dan pengarah (pengamal) akan melangkah ke fasa yang disebut sebagai *doubling* atau menzahirkan watak-watak (disebut oleh Olivia Lousada (1998) sebagai *mother and baby*) pencetus bagi pesakit melalui penggunaan *auxillary ego* (teman lakon; dalam konteks merujuk kepada seorang lagi individu yang akan membantu proses terapi ini dengan melakonkan apa sahaja watak sampingan yang cuba ditimbulkan oleh pesakit. Watak *auxillary ego* ini boleh dibawa oleh pengarah sendiri ataupun pembantunya). Tahap pertama kepada *doubling* adalah *the holding*. Dalam tahap ini, *auxillary ego* ini akan menyerahkan sepenuhnya tubuh beliau kepada pesakit dengan cara meniru sepenuhnya diri pesakit, daripada dalaman sehingga terzahir ke luar. Selain membina persefahaman antara kedua pelakon ini, ia juga bertindak untuk mewujudkan satu bentuk afirmasi kepada pesakit dan mencerminkan dunia dalaman pesakit supaya pesakit lebih sedar akan dirinya, lantas membina ego (kesedaran diri) yang tersendiri

Kemudian tahap *stretching* dilakukan untuk membina persefahaman dari sudut pemikiran supaya kedua pelakon bermula dengan pesakit akan merasakan dia di dokong dan *auxillary ego* akan merasa beliau mendokong dan membantu dengan baik. *Stretching* juga akan meletakkan asas antara watak *mother* dan *baby* yang akan dibawa oleh kedua pemain baik pesakit dan *auxillary ego*.

Setelah itu, proses diagnosis dan perkongsian akan dijalankan dimana pesakit akan cuba menyampaikan hasratnya (masalahnya) dengan bantuan pengamal (proses berjalan samada secara berkumpulan atau berbentuk individu yakni melibatkan pesakit dan pengamal sahaja). Sebagai contoh, pesakit A ingin menyatakan kekecewaannya terhadap kematian anaknya

akibat kemalangan jalan raya (pesakit merasakan anaknya meninggal kerana kecuaiannya) dengan meluahkan segala bentuk perbuatan atau pengucapan yang tidak sempat dibuat sewaktu hidup anaknya. Tugas *auxillary ego* ketika ini adalah sebagai pengantar fizikal (dalam konteks; anak pesakit A) dan perlu memahami secara terperinci dan mendalam mengenai watak pencetus tersebut serta mengingati bait kata pesakit untuk beralih ke proses seterusnya iaitu *role reversal*

*Role reversal* menurut Olivia Lousada (1998) di dalam esainya merupakan enjin kepada drama terapi. *Doubling* yang dibuat tadi adalah untuk menetapkan ego pesakit, seterusnya diikuti oleh *role reversal*. Tanpa ego dan kesedaran diri yang tinggi, agak sukar untuk merasai 'pengalaman' persona lain yang menjadi pencetus kepada ketidak-stabilan emosi pesakit. Disinilah terletak kunci kepada kejayaan *role reversal* ini. Fungsi langkah ini adalah untuk merasai bagaimana perasaannya berada di tempat orang lain dan melihat diri sendiri di sudut pandangan yang berbeza (yakni sudut pandang orang kedua). Melalui langkah sebelum ini yang mana telah menetapkan keadaan pesakit, punca permasalahan emosi mereka (seperti contoh yang disediakan tadi mengenai perasaan seorang yang kehilangan anaknya di dalam sebuah kemalangan), proses *role reversal* memerlukan *auxillary ego* dan pesakit untuk mengimitasi atau mengolah sendiri perwatakan *hero* dan *auxillary ego* yang cuba ditimbulkan di dalam sesuatu sesi *doubling*. Proses ini merupakan proses yang paling tegang secara emosional dan memberi pencerahan baru, resolusi serta pengharapan baru kepada pesakit. Perbualan antara kedua (atau lebih) watak ini akan menjadi langkah penting dalam menyelesaikan segala permasalahan pesakit melalui teknik *role reversal* dan kejujuran perasaan. Menurut kata Moreno (1977);

‘Then I will look at you with your eyes

And you will look at with mine”

Langkah terakhir adalah proses *mirroring* dimana pesakit akan melihat dan membuat refleksi keatas dirinya sendiri, sekiranya pesakit tersekat dengan masalahnya pada sesi *role reversal*. Ini akan memberi pesakit satu perspektif baru untuk kembali menyelesaikan masalahnya dalam *role reversal*. Adapun kesannya berbentuk, bagi kebanyakan kes adalah bersifat *dyadic* (hubungan psiko-sosiologikal antara dua individu) dan eksistensial. Namun ada juga kes-kes yang memberi kesan secara *triadic* (hubungan psiko-sosiologikal antara tiga atau lebih individu) dan sistemik.

Kesan eksistensial bagi teknik *mirroring* ini adalah supaya pesakit dapat melihat perwatakannya dari sudut pandang orang kedua melalui bantuan *auxillary ego*. Adapun begitu, dia hanya mampu melihatnya dari sudut fizikal dan bukan filosofikal atau psikologikal. Ini akan membantu pesakit untuk menganalisa segala perlakuan dan tindakannya yang mungkin tidak dapat dilihat melihat sudut pandang orang pertama. Kipper (1986) bagaimanapun menyatakan yang terdapat halangan tertentu dalam melaksanakan proses *mirroring* ini; isu yang ingin di selesaikan, pengamal, proses terapi, dan format terapi.

Kesan sistemik pula merujuk kepada kaedah yang paling sopan dalam membantu pesakit mengatasi masalahnya dengan jalan yang paling sedikit rintangan. Ini dapat dilakukan melalui aplikasi konsep *triadic* dimana konfrontasi berbentuk begini mengukuhkan lagi hubungan



*dyadic* menggunakan konteks trianglusi. Hubungan yang *dyadic* ini lebih membantu pesakit berekspresi dengan emosi yang lebih luas seperti kemarahan yang membuak, kehilangan dan sebagainya; yang mungkin membawa kepada katarsis emosi. Jadi konteks hubungan *triadic* akan memberi sedikit kelegaan kepada pesakit untuk lebih mendalami emosinya (menggunakan contoh yang sama, pesakit selain hanya berkomunikasi dengan anaknya saja, mungkin akan mendapat keselamatan emosional dengan penambahan watak isterinya melalui pendekatan *triadic*). Secara singkatnya, ia lebih bersifat reflektif berbanding pendekatan eksistensial dan *dyadic* yang konfrontatif.

#### 4.2.2 STRUKTUR PERSEMBAHAN MAIN PUTERI

Adapun Main Puteri bermula dengan upacara buka panggung, ia tidak membawa efek terapeutik psikodrama, dan lebih membawa kearah mistisme sahaja. Walau bagaimanapun, elemen persembahan majornya yang disebut sebagai ‘isih angin’ yang akan dibahaskan di dalam subtopik ini, bersama struktur-struktur lain mempunyai kepentingan terapeutik untuk psikodrama. ‘isih angin’ dimulakan dengan ‘membujuk angin’. Proses ini memerlukan Tok Teri untuk ‘membujuk angin’ pesakit melalui ‘ucap’ yang tertentu dalam usaha untuk berhubung dengan pesakit. Hubungan akan terjalin sekiranya pesakit memberikan respons kepada ucap-ucap yang disampaikan oleh Tok Teri. Dalam kaedah drama terapi, teknik ini disebut sebagai *invoking roles* (Landy,2014) dan disebut sebagai *doubling* oleh Olivia Lousada (1998),

‘isih angin’ menjadi asa kepada hubungan kepercayaan antara Tok Teri dengan pesakit yang akan memasuki *surplus reality* dan Tok Teri memainkan peranannya dalam membimbing pesakit untuk melalui realiti tersebut melalui penceritaan hikayat dulu kala yang disebut sebagai ‘ucap’. Pengucapan ini akan menyentuh pesakit melalui ko-relasi cerita tersebut dengan keadaan pesakit ketika itu (sekiranya pesakit itu merupakan seorang bidan maka ucap ‘angin bidan tujuh’ akan diucapkan oleh Tok Teri bagi membina hubungan tersebut dengan pesakit). Hubungan ini akan menentukan kelancaran proses rundingan antara Tok Teri dan pesakit tersebut. Adanya ‘isih angin’ adalah dengan apa yang disampaikan oleh Olivia Lousada iaitu menzahirkan watak (*doubling*) di mana Tok Teri menceritakan watak-watak hikayat untuk disebatikan dengan pesakit melalui hubungan secara dalaman.

Seterusnya, struktur major kedua dalam Main Puteri ini adalah ‘penyenang angin’ iaitu sesi dialog antara Tok Teri, Tok Minduk dan pesakit. Peranan Tok Minduk disini adalah untuk menjadi orang tengah antara Tok Teri dan pesakit. Di dalam tahap ini, terdapat satu perkara penting yang menarik perhatian pengkaji iaitu konsep ‘pemisahan’ yang mana pesakit bebas keluar dan masuk ke dalam dirinya yang kini. Secara terperinci, ia berkaitan dengan konsep *aesthetics distance* yang disebut oleh Scheff (1979) sebagai satu pengalaman serentak dan sama dalam menjadi peserta dan pemerhati. Sebahagian daripada perhatian orang berada pada masa lalu, diserap dalam pengalaman yang melegakan dan menyedihkan yang telah dirangsang semula oleh konteks semasa; walau bagaimanapun, sebahagian daripada perhatian orang itu juga pada masa kini, menyedari bahawa dia sebenarnya bebas dari ancaman masa lampunya. Tok Minduk juga terlibat dalam proses sekiranya pesakit keluar dari dirinya maka Tok Minduk akan mengambil alih sementara peranan asal pesakit. Sepanjang proses

menyenang angin berlangsung, Tok Minduk dan Tok Teri akan bekerjasama (menyanyi dan berdialog mengikut situasi pesakit, dalam contoh sebelumnya yang mana merupakan seorang bidan maka akan dinyanyikan lagu Mian Puteri yang berkaitan dengan perbidanan) bagi menenangkan pesakit yang kini menjadi pemerhati dan peserta (pesakit turut menyertai perbualan tersebut dalam keadaan *trance*) dalam masa yang sama. Peranan masing-masing akan sering bertukar ganti antara Tok Teri, Tok Minduk dan pesakit di dalam proses ini. Proses ini akan membuka pandangan baru bagi pesakit melihat keadaan dirinya kini dan membuat refleksi keatas masalahnya. Sekiranya pesakit masih belum menemui resolusinya, maka proses ini akan terus berlangsung dan *role reversal* antara ketiga-tiga peran ini akan terus bertukar ganti sehingga pesakit menemui resolusi kepada masalahnya.

Struktur akhir persembahan Main Puteri pula disebut sebagai ‘semah angin’ yang mana Tok Teri akan membiarkan pesakit untuk bersuka ria serta menari sepuasnya, dengan bantuan ensembel Main Puteri yang memang tersedia ada. Proses ni biasanya akan turut memecahkan *fourth wall* persembahan dengan membenarkan penonton untuk turut menari dan bersuka ria di dalam panggung. Proses ini merupakan satu bentuk projeksi dramatik yang menandakan pesakit sudah terangkat dari bebannya yang dipikul selama ini. Proses ini akan menampilkan katarsis emosi pesakit setelah mendapat resolusi kepada masalahnya. Katarsis, ataupun peringkat tertinggi emosi dapat dicapai melalui permainan lakon kreatif dan spontan yang melepaskan segala bentuk repressi pesakit yang telah dibuat ada peringkat ‘penyenang angin’ tadi akan diprojeaksikan pada peringkat ini dengan keadaan *aesthetics distance* yang seimbang. Pesakit kemudiannya akan kembali kepada dirinya dan membuat refleksi keatas apa yang berlaku sewaktu ‘semah angin’ dijalankan.

### 4.3 PERSAMAAN STRUKTUR

Kajian yang dijalankan dalam mencari persamaan struktur bagi kedua-dua bentuk psikodrama ini adalah untuk mengenal pasti konsep asas bagi struktur tersebut. Melalui jadual di bawah, pengkaji telah membuat rumusan kepada persamaan konseptual struktur kedua-dua psikodrama

<b>Drama Terapi</b>	<b>Main Puteri</b>	<b>Persamaan Struktur (Konseptual)</b>
Doubling	Isih Angin	Satu segmen yang menetapkan asas kepada sesi terapi tersebut, hubungan antara pengamal dan pesakit serta menjelaskan keadaan semasa pesakit serta masalah yang dihadapinya. Bagi drama terapi, proses ini menggunakan pendekatan perbualan yang biasa dengan pesakit membuka dirinya kepada pengarah. Bagi Main Puteri pula, pendekatan yang digunakan adalah melalui ucap-ucap yang telah tersedia untuk setiap jenis angin dan Tok Teri yang bertanggungjawab mencari punca permasalahan pesakit
Stretching	Penyenang Angin	Proses yang melibatkan pesakit dan pengamal berunding tentang masalah pesakit di dalam <i>surplus reality</i> yang diciptakan oleh pengamal. Rundingan ini dibuat dengan membangkitkan semula perasaan pesakit yang di pendam selama ini sehingga membawa

		<p>kepada masalah. Pendekatan <i>role reversal</i> diguna pakai di dalam kedua-dua psikodrama baik drama terapi mahupun Main Puteri. Peranan <i>auxillary ego</i> membantu proses <i>role reversal</i> (dalam kes Main Puteri, <i>auxillary ego</i>-nya adalah Tok Minduk) juga dapat dilihat di dalam kedua-dua bentuk psikodrama</p>
Mirroring	Semah Angin	<p>Proses refleksi diri pesakit yang berhasil dari peringkat terapi sebelumnya yang mewujudkan satu katarsis emosi buat pesakit. Proses refleksi ini adalah pelbagai mengikut kepada situasi pesakit. Pendekatan yang digunapakai, walau bagaimanapun adalah berlainan antara kedua-dua bentuk psikodrama. Bagi drama terapi, pendekatan <i>dyadic</i> dan <i>triadic</i> boleh digunapakai mengikut pilihan pengarah dengan bantuan ahli kumpulan sokongan yang tersedia, secara oral. Bagi Main Puteri pula, hanya pendekatan <i>triadic</i> yang digunakan kerana hubungan antara pesakit, Tok Teri dan Tok minduk tidak dapat dipisahkan. Selain itu, Main Puteri turut menggunakan pendekatan muzik sebagai satu bentuk medium melepaskan katarsis emosi pesakit.</p>

**Jadual 1. Persamaan Struktur Teater Terapi dan Main Teri**

#### 4.4 ELEMEN-ELEMEN PERSEMBAHAN

Elemen merupakan aspek yang akan membantu melaksanakan persembahan mengikut struktur yang telah disebutkan. Pengkaji pada awal kajian telah menetapkan focus kajian untuk turut mengkaji persamaan elemen di dalam kedua bentuk teater terapi yang disebut. Bahkan perkara ini sebenarnya menjadi sebab utama kepada terjadinya kajian ini. Pengkaji melihat kesamaan pada kedua bentuk teater namun hanya satu yang dapat diterima oleh masyarakat masa kini. Elemen di dalam kedua teater ini mempunyai beberapa kesamaan pada konsep asas, walaupun menggunakan label yang berlainan.

##### 4.4.1 ELEMEN PERSEMBAHAN DRAMA TERAPI

Melalui kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa elemen yang terdapat di dalam drama terapi ini merangkumi beberapa elemen seperti pentas, protagonist (pesakit), kumpulan sokongan, *auxillary ego*, dan pengarah.

Bermula dengan dengan konsep pentas. Di dalam buku yang dirujuk oleh kedua informan dan pengkaji, *The Handbook of Psychodrama (1998)* menyebut bahawa pentas untuk sesebuah psikodrama perlu mempunyai unsur-unsur yang melambangkan transformasi, ekspansi, pertumbuhan dan cahaya, serta unsur-unsur metafora mengikut kesesuaian pesakit. Imej-imej pencetus seperti rumah, bilik, atau objek seperti cermin yang mampu membangkitkan kembali emosi terpendam pesakit adalah penting di dalam pentas teater terapi. Selain itu, ia juga bertindak sebagai alat bantu dalam usaha pesakit melepaskan emosi.

Kemudian terdapat juga elemen protagonist. Protagonist, satu perkataan yang dipinjam dari nama dewa Protagonos dalam mitologi Greek memberi makna orang yang pertama beraksi. Protagonos merupakan dewa yang pertama dilahirkan mengikut mitologi Greek. Dan didalam konteks drama terapi pula, protagonist pula merupakan pemeran atau pelakon atau pesakit. Protagonist merupakan orang yang berada di pentas drama terapi sepanjang proses terapi dijalankan.

Protagonist akan menjalankan proses terapi sesuai dengan keadaan mentalnya. Ia boleh membabitkan pelbagai bentuk isu seperti isu kepercayaan, kehilangan orang yang tersayang, dan sebagainya yang mungkin dialami oleh pesakit pada ketika itu. Semua orang yang berada di dalam kumpulan terapi itu berpotensi untuk menjadi protagonist, namun ia bergantung kepada kehendak pengarah serta arah yang ingin dibawa di dalam sesuatu kumpulan, sekiranya ia dibuat secara berkumpulan. Hal ini tidak terjadi pada sesi terapi yang berbentuk individu. Ada pun begitu, melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pemilihan protagonist serta fungsi sesebuah kumpulan itu bergantung total kepada pengarah. Menurut informan, Prof Dr. Andika, ada pengarah yang melihat protagonist dan kumpulan sebagai satu entiti asing dan keduanya tidak terikat kepada drama yang sedang dipersembahkan melainkan hanya sebagai penonton dan calon-calon *auxillary*, dalam Bahasa yang lebih mudah, menjadikan sesi itu sebagai sesi individual tanpa penglibatan kumpulan. Namun bagi beliau, beliau lebih memilih untuk mewujudkan hubungan antara protagonist dan kumpulan kerana dengan ini, pengaruh *auxillary* terhadap protagonist akan bertambah kuat.

Posisi protagonist ini adalah satu posisi yang berat secara emosional. Namun protagonist, melalui sesi *doubling* perlu dan telah tahu bahawa dia mempunyai kuasa terhadap apa yang akan terjadi di dalam sesuatu sesi. Protagonist akan dibantu oleh pengarah dalam meletakkan asas kepada sesi ini. Protagonist akan dibimbing dan diarah. Oleh itu, adalah penting untuk membina kepercayaan antara pengarah dan protagonist yang kemudiannya akan beralih kepada kumpulan, lantas lebih membantu pesakit dalam sesi tersebut.

Apa yang akan dilakukan oleh protagonist dalam sesuatu sesi adalah beliau akan menjalankan satu atau beberapa adegan yang telah/akan berlangsung di masa lepas atau akan datang, yang mungkin telah terjadi atau bakal terjadi. Ia bergantung kepada masalah setiap protagonist. Ia juga bergantung kepada kebolehan protagonist untuk bertindak dengan spontan dan kreatif terhadap setiap apa yang berlaku bagi memenuhi kepuasan protagonist. Perlu diingat bahawa bekerja dengan protagonist didalam sesuatu adegan bermaksud bekerja di dalam realiti artifisial dan bukan realiti sebenar, walaupun ketika itu protagonist memilih untuk kembali ke masa kecilnya dan cuba mereka semula realiti lampauya, pengarah perlu memberi ruang untuk protagonist mencipta realiti baru bagi membantunya. Di dalam drama terapi, protagonist akan memainkan 'skrip' lama di dalam hidupnya dan memilih *auxillary* dan ahli kumpulan lain sebagai pelakornya. Ini membolehkan protagonist untuk memprojeksikan pandangan-semesta dan membentuk hubungan dengan kumpulan lantas mengubah 'skrip' lama protagonist kearah yang dia kehendaki. Mengubah 'skrip' yang mungkin penuh dengan kekusaman menjadi indah.



Elemen-elemen lain akan membantu protagonist dan pengarah dalam proses terapi ini. Kumpulan sebagai contohnya, memainkan peranan penting dalam menzahirkan kelakuan bawah sedar setiap protagonist selain membawa kepada pemahaman penuh terhadap adegan yang sedang dijalankan. Terdapat 3 tahap kelakuan bawah sedar iaitu kelakuan bawah sedar secara peribadi, secara kolektif dan juga secara ko-dependen. Ini merupakan teras kepada kepentingan kumpulan dalam drama terapi. Kumpulan di dalam konteks ini bererti keberadaan watak lain selain dari protagonist, baik ianya pengarah mahupun kumpulan individu yang mempinyai masalah yang sama. Kelakuan bawah secara peribadi yang ditimbulkan hasil keberadaan kumpulan merujuk kepada teras drama itu sendiri yang bermaksud kelakuan kreatif, spontan, dan usaha kolaboratif antara pelakon (di dalam konteks ini merujuk kepada hubungan protagonist dan kumpulan sokongannya) tanpa penglibatan pengarah. Protagonist akan sesekali menzahirkan pengalaman peribadinya seperti yang disebut Stanilavski sebagai 'method' yang menjurus kepada kespontanan dalam kelakuan dan membawa kepada katarsis emosi. Disinilah tugas kumpulan sokongan menonjol. Mereka akan membantu memupuk protagonist melaksanakan adegan dengan bebas tanpa dihakimi.

Kelakuan bawah sedar kolektif pula, menurut Carl Gustav Jung (1964), merupakan satu bentuk pemikiran yang arkitaip dan diwarisi. Perkara –perkara yang sudah disepakati dan terpahat dalam minda kolektif manusia, seperti simbolisme agama (salib, bulan dan bintang, mandala dan sebagainya) merupakan contoh kepada konsep kesedaran ini. Adapaun kegunaan kumpulan dan kesannya dalam membentuk kesedaran ini dalam drama terapi ini pula adalah dengan mewujudkan kefahaman bahawa protagonist dan kumpulannya berkongsi satu pengalaman dan perasaan yang universal. Hubungan yang terbina dengan sendirinya melalui

kebudayaan, bangsa dan sebagainya akan membantu protagonist untuk berhubung dan berkongsi (perasaan) dengan kumpulan sokongannya.

Elemen seterusnya adalah *auxillary ego* yang mana merupakan satu elemen penting dalam drama terapi kerana ia akan membantu protagonist dalam menghadapi masalahnya. J.L. Moreno menerangkan *auxillary ego*, yang keempat daripada instrumen pentingnya psikodrama, sebagai: 'pewakilan ketidakhadiran, individu, khayalan, simbol, cita-cita, haiwan dan objek. Mereka menjadikan dunia protagonis nyata, konkrit dan nyata' (Moreno 1969/1975).

Walaupun informan biasanya menggunakan istilah *auxillary ego*, sesetengah psikodramatis kontemporari, termasuk Peter Felix Kellermann, berpendapat bahawa penambahan perkataan 'ego' tidak membantu dalam konteks ini sebagai '*auxillary ego* adalah bantuan, bukan sahaja kepada "ego" tetapi juga kepada "objek" dalaman dan luaran dan kepada "simbolisme dunia dalaman" pada umumnya' (Kellermann 1992:106). Pandangan mempunyai logiknya tersendiri kerana bagi kebanyakan pakar psikoanalisis, istilah 'ego' itu secara khususnya lebih merujuk kepada sebahagian daripada minda atau jiwa seseorang individu (Laplanche dan Pontalis 1967/1973).

Walaupun begitu, informan lebih suka menambah perkataan 'ego' kepada istilah psikodramatik kerana beliau percaya penggunaannya dengan jelas menekankan hakikat bahawa peranan yang 'diambil', 'dipegang' atau 'dimainkan' oleh ahli kumpulan yang lain (*auxillary ego*) ialah eksternalisasi aspek atau peranan dalam dunia dalaman atau jiwa

protagonis itu sendiri. Ini adalah tugas yang sangat berbeza daripada hanya menjadi pembantu kepada orang lain. Moreno menjelaskan bahawa ego tambahan:

“adalah lanjutan daripada pengarah, untuk meneroka dan membimbing, tetapi mereka adalah juga sambungan subjek (protagonis), menggambarkan persona sebenar atau imaginatif dalam drama hidupnya. Fungsi *auxillary ego* adalah tiga: menjadi pelakon, menggambarkan peranan yang diperlukan oleh dunia subjek, menjadi kaunselor yang membimbing subjek, dan menjadi penyiasat khas.” (Moreno 1946)

Moreno menerangkan *auxillary ego* hanya memainkan peranan watak yang ‘bernama’ dalam psikodrama. Walau bagaimanapun, *auxillary ego* juga boleh bertindak sebagai teman lakon kepada protagonis atau diminta memainkan objek tidak bernyawa dalam drama itu. Oleh itu, ahli kumpulan boleh membantu protagonis dalam beberapa perkara yang berbeza cara dalam satu sesi.

Orang yang akan menjadi *auxillary ego* biasanya akan dipilih oleh protagonis. Ini membolehkan pemilihan seseorang yang berpotensi untuk 'mengambil', 'bermain' atau 'memegang' peranan ini dengan cara yang memuaskan hati keperluan protagonis dalam drama. Sebab-sebab pemilihan *auxillary ego* oleh protagonis ialah kompleks. Ahli kumpulan boleh dipilih atas sebab yang jelas (seperti menjadi umur, jantina atau saiz yang sesuai untuk peranan itu). Pilihan dibuat kerana protagonis tahu bahawa ahli kumpulan tertentu mungkin mempunyai sejarah atau pengalaman yang menyerupai pengalaman protagonis itu sendiri.

Kadangkala ahli kumpulan dipilih kerana pandai bermain watak 'jahat' atau 'baik'. Walau bagaimanapun, ada kalanya pemilihan ini dibuat tanpa mengikut keperluan tersebut.

Elemen terakhir yang akan dibincangkan di dalam subtopik ini adalah pengarah kepada sesebuah drama terapi itu sendiri. Dalam kebanyakan terapi, pengarah merupakan ahli terapi, fasilitator atau kumpulan Ketua. Dalam psikodrama, pengarah adalah seorang yang terlatih untuk membantu membimbing tindakan pesakit. Peranan utama pengarah adalah untuk merangsang kespontanan lakonan, untuk menggesa, membimbing dan menyusun psikodrama kepada sesuatu yang terasa benar untuk protagonis yang melakonkan drama dan kumpulan yang menyaksikan drama itu. Setiap saat haruslah dihidupkan seolah-olah ia sedang berlaku pada saat itu. Protagonis memegang kunci kepada dunia dalaman dan luaran. Pengarah memegang pintu yang membuka dan menutup dan kumpulan menyediakan bingkai.


Dalam psikodrama, pengarah membawa protagonis itu ke ruangnya sendiri di peringkat kumpulan dan mengikut arahannya. Bersama-sama, mereka menetapkan situasi yang mewakili kehidupan protagonis. 'Adegan dicipta oleh subjek. Pengarahlah yang menggalakkan orang itu melakonkan masalah mereka secara semula jadi dan secara spontan. Protagonis mengarahkan terapi mereka sendiri, berhenti apabila mereka merasakan keperluan' (Moreno dan Moreno 1977). Pengarah mempunyai banyak fungsi: penerbit, ahli terapi, penganalisis tindakan dan ketua kumpulan adalah antara fungsi utamanya. Walaupun sesuatu drama tertentu sedang berlangsung, psikodrama adalah proses berkumpulan. Setiap orang adalah agen terapeutik yang lain dan ahli kumpulan sering mendapat keuntungan yang sama dari sesi tersebut, bersama-sama protagonis. Sebagai ahli terapi, pengarah membuat pilihan

berbentuk terapeutik dengan memaklumkan dan mendidik protagonis. Apabila sesuai, protagonis dan pengarah akan bekerja secara berseiringan.

#### **4.4.2 ELEMEN PERSEMBAHAN MAIN PUTERI**

Bagi Main Puteri pula, elemen-elemen yang terdapat di dalam persembahan ini juga menarik, unik, dan mempunyai persamaan dengan psikodrama moden. Antara elemen yang penting yang perlu bagi menjayakan adalah panggung, pesakit, pemuzik, Tok Minduk, dan Tok Teri.

Panggung bagi Main Puteri ini mempunyai struktur dan susun atur nya yang tersendiri. Ia menjadi satu keperluan dalam sesebuah persembahan Main Puteri untuk membina panggung persembahan terlebih dahulu sebelum memulakan proses terapi. Seperti mana juga drama terapi yang menetapkan ruang pentas sebagai satu ekpansi kepada reality, ruang panggung Main Puteri juga disebut sebagai ruang keramat dalam proses memulihkan ‘angin’ seseorang. Di atas panggung akan digantung selembur kain kuning, disebut sebagai langit menjadi simbolik kepada tempat bertenggeknya semangat yang cuba diseru dan dibangkitkan. Seterusnya adalah peletakkan instrument di dalam panggung yang turut mempunyai simbolismenya yang tersendiri, seperti mana yang di tunjukkan di dalam gambar 1



**Gambar 1. Peletakkan instrumen persembahan di dalam panggung**

Seterusnya adalah pesakit yang ingin di ubati. Berbeza dengan drama terapi yang mana pesakit disebut sebagai protagonist dan menjadi tunjang utama dalam setiap enakmen drama yang akan dijalankan, pesakit Main Puteri ini tidak membawa cerita sebaliknya hanya mengikut panduan Tok Minduk dalam proses pemulihannya. Pesakit yang mempunyai masalah angin ini akan dibaringkan terlebih dahulu semasa sesi 'ucap' dijalankan dan akan memberi respons kepada mana-mana bentuk 'ucap' yang menjadi masalah kepada dirinya. Adapun masalah bagi pesakit Main Puteri ini dapat dikategorikan kepada 3 bentuk utama iaitu masalah angin, satu istilah yang membawa maksud, menurut Ghulam (2004), sebagai salah satu dari empat unsur-unsur yang menjadikan manusia itu seimbang selain tanah, api dan air. Namun begitu yang menggerakkan manusia ini adalah angin dan sekiranya angin pesakit bermasalah maka perlu diubati agar pesakit kembali bersemangat meneruskan kehidupan. Kedua adalah kerana lemah semangat akibat daripada disampuk makhluk halus, terkena badi dan bala mahupun kerap terkejut daripada tidur yang membuatkan sebahagian besar roh individu itu tidak sempat masuk semula kedalam tubuhnya. Terakhir adalah kes-kes kerasukan

jembalang dan hantu. Boleh juga dikaitkan dengan gangguan penunggu sekiranya pesakit pernah ke tempat-tempat yang dikatakan 'keras'. Ada juga yang berpendapat bahawa gangguan ini adalah kerana roh-roh orang terdahulu yang keramat dan mampu hidup melepasi alam kubur mereka.

Seterusnya adalah elemen muzik di dalam Main Puteri yang turut menjadi kumpulan sokongan bagi membantu pesakit dalam menghadapi masalahnya. Komposisi alat muzik yang terdapat di dalam Main Puteri adalah pelbagai mengikut topografi dan zaman. Dahulu, komposisi alatan muzik Main Puteri terdapat alatan seperti batil (alat muzik berbentuk mangkuk yang diperbuat daripada besi) dan gendang redap. Walaupun begitu, batil kini tidak lagi dimainkan dalam mana-mana persembahan Main Puteri. Berlainan dengan redap yang masih dimainkan di beberapa kawasan pedalaman Kelantan. Kini, alatan muzik di dalam psikodrama ini hanya menggunakan ensemble Mak Yong seperti rebab, tetawak, gendang, kesi dan juga canang. *Repertoire*-nya juga banyak mengambil dari persembahan Mak Yong (Ghulam 2004).

Proses terapi melalui bunyi adalah salah satu amalan terapeutik yang lazim di Asia. Ahli terapi menggunakan kedua-dua bentuk baik lagu mahupun bunyi instrumental dalam sesi terapi muzik mereka untuk merawat kecelaruan mental tertentu. Alat-alat ini memainkan peranan penting untuk menyokong Tok Teri dan pesakit. Jika tidak dibersihkan dengan betul melalui asap kemenyan dan tidak dimainkan dengan baik, Tok Teri dan pesakit akan terganggu dan keseluruhan sesi terapi mungkin gagal. Muzik berkepentingan untuk

membimbing Tok Teri dan pesakit ke dalam keadaan *trance* yang mana dia boleh menjalankan proses penyembuhan bersama-sama dengan roh dan makhluk ghaib yang lain. Oleh itu, muziknya sangat kuat dan sangat berulang, bertujuan untuk memanggil dan menarik perhatian semua yang terlibat di dalam sesi tersebut tanpa disekat sempadan alam.

Seterusnya, Tok Minduk sebagai pengantara antara Tok Teri dan pesakit. Tok Minduk akan mengambil alih peranan pesakit dan berdialog dengan Tok Teri yang berada dalam keadaan *trance* semasa fasa penenang angin, melalui teknik *role reversal*. Posisi Tok Minduk juga menuntut untuk seseorang itu mahir di dalam ilmu perbomohan yang setaraf dengan Tok Teri. Selain itu, Tok Minduk juga perlu pandai bermain rebab kerana peranannya menuntutnya menjadi ketua kepada kumpulan pemuzik Main Puteri.

Terakhir adalah Tok Teri merupakan entiti yang penting dalam menggerakkan persembahan ini, atau disebut juga sebagai pengarah. Tok Teri merupakan orang yang menjadi pembimbing dan ‘kenderaan’ yang akan menumpangkan semangat dan roh yang telah turun untuk membantu memulihkan pesakit. Tok Teri setelah menurun akan mengambil watak yang bersesuaian dengan masalah pesakit. Perubahan watak ini dapat dilihat melalui perubahan fizikal pada tubuh Tok Teri (jika angin tersebut adalah angin hala, maka Tok Teri akan berkelakuan seperti harimau dan mengambil posisi merangkak) dan juga pada suara Tok Teri tersebut. Ketika ini, Tok Teri telah mencipta *surplus reality*-nya yang tersendiri dan akan menarik pesakit bersamanya untuk ‘menyelam’ di dalam realiti yang telah diciptakan. Disinilah peranan Tok Teri yang sebenarnya, untuk memandu pesakit keluar dari masalahnya di dalam realiti ciptaan mereka (jika pesakit adalah seorang bidan yang kehilangan perkerjaan



kerana kemajuan bidang perubatan akan dibawa untuk kembali bekerja sebagai bidan di dalam realiti itu sehingga pesakit tersebut merasa puas, melalui intervensi Tok Teri dan keadaan keduanya yang berada di dalam *trance*.)

#### 4.5 PERSAMAAN ELEMEN

Kajian yang dijalankan dalam mencari persamaan elemen bagi kedua-dua bentuk psikodrama ini adalah untuk mengenal pasti konsep asas bagi elemen tersebut. Melalui jadual di bawah, pengkaji telah membuat rumusan kepada persamaan konseptual elemen kedua-dua psikodrama.

Drama Terapi	Main Puteri	Persamaan Elemen (Konseptual)
Pentas	Panggung	Tempat dimana <i>surplus reality</i> dicipta tanpa halangan dari dunia luar. Tempat ekspansi kenyataan yang menjadi ruang selamat kepada pesakit untuk meluahkan perasaannya. Dipenuhi dengan elemen-elemen yang mampu mencetuskan pergolakan dalaman pesakit. Dalam kes drama terapi, ia akan diisi dengan prop sebagai alat pencetus emosi, manakala dalam Main Puteri ia diisi dengan perkara yang mampu membangkitkan angin pesakit seperti lelangit dan susunan ensembl yang mengikut arah kardinal timur-barat.

Protagonist	Pesakit	Subjek yang mempunyai masalah, baik kecelaruan mental mahupun masalah angin. Subjek ini akan menjadi fokus utama dalam kedua-dua psikodrama kerana ia merupakan sebab teretusnya psikodrama ini. Subjek akan didedahkan dengan unsur yang membawa kepada masalah beliau seperti represi emosi, kesalahan masa silam mahupun satu situasi yang tidak berkaitan secara langsung dengan pesakit namun masih mempunyai hubung-kait yang tersendiri
Kumpulan Sokongan	Ensembel Muzik	'kenderaan' yang membantu pesakit untuk berbaik dengan katarsis emosi yang sedang dan akan dilalui oleh pesakit sepanjang sesi terapi. Namun begitu, konsep ini mempunyai pendekatan yang berbeza pada kedua-dua psikodrama dimana satunya mengambil pendekatan secara perkongsian emosi melalui kesedaran kolektif manakala satu lagi pula menggunakan terapi muzik untuk membawa dan menampung rusuhan emosi yang dilalui oleh pesakit.
<i>Auxillary Ego</i>	Tok Minduk	Watak yang menjadi pengantara untuk pengarah dan pesakit. Watak ini akan membantu pesakit untuk lebih berhubung dengan dirinya sendiri melalui teknik <i>role reversal</i> dan teknik ini diguna pakai di dalam kedua-kedua bentuk psikodrama.

Pengarah	Tok Teri	Orang yang bertanggung jawab melangsungkan, menggerakkan, dan mengarah pesakit kearah yang sepatutnya dalam menghadapi masalah mereka. Dalam konteks kedua psikodrama ini, walaupun fungsinya sama namun pendekatan dalam kepengarahan kedua-dua psikodrama mempunyai sedikit perbezaan kerana drama terapi menuntut pengarah dan pesakit untuk bekerjasama secara seiring manakala Main Puteri pula menampilkan Tok Teri lebih mempunyai kawalan keatas pesakit (mungkin kerana elemen mistisisme yang membolehkan Tok Teri mendapat kawalan yang lebih dalam proses terapi tersebut.)
----------	----------	---

**Jadual 2. Persamaan Elemen Teater Terapi dan Main Teri**

UNIVERSITI  
 MALAYSIA  
 KELANTAN

**BAB 5**  
**PENUTUP**

**5.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan terhadap yang telah dijalankan bermula dari awal kajian sehinggalah ke peringkat akhir kajian. Kesemua hasil kajian yang telah dikumpul dan diolah menjadi penulisan akademik akan disimpulkan di dalam bab ini. Selain itu, pengkaji juga akan memberikan cadangan-cadangan dalam menambah baik kajian yang tersedia ini, lantas menghususkan lagi kajian akan datang. Hal ini penting bagi menjamin perkembangan kajian dan dokumentasi di dalam konteks psikodrama di Malaysia khususnya psikodrama tradisional Melayu yang tidak dikaji secara lebih mendalam.

## 5.1 PERBINCANGAN

Psikodrama merupakan satu istilah yang masih baru dalam masyarakat Malaysia pada ketika ini. Ia merupakan satu bentuk terapi yang banyak membantu proses rehabilitasi pesakit dan telah terbukti keberkesanannya melalui banyak kajian-kajian yang telah dibuat. Walaupun begitu, untuk mengangkatnya menjadi satu bentuk terapi yang dapat diterima umum mempunyai cabarannya yang tersendiri. Psikodrama merupakan satu istilah yang diperkenalkan oleh Barat dan untuk mewujudkan *sense of belonging* terhadap psikodrama ini adalah susah di dalam kalangan masyarakat Malaysia lantas menjawab kepada mengapa ia masih belum dipraktikkan secara meluas ni Malaysia pada ketika ini. Adapun Main Puteri pula tela terpalit dengan mistisime dan animism yang turut memaksa masyarakat Malaysia yang majoritinya Islam untuk turut menolak psikodrama yang mungkin boleh memberi *sense of belonging* kepada masyarakat Malaysia.

Seterusnya adalah kajian klinikal yang kurang bagi psikodrama tradisional turut membuatkan psikodrama tradisional Malaysia tidak begitu mendapat tempat dalam hati masyarakat. Adapun begitu, perbincangan berkaitan isu kesihatan mental juga masih menjadi satu perkara tabu dalam kalangan masyarakat dan tidak dibincangkan secara umum turut menyekat perkembangan pengaruh psikodrama di Malaysia. Seharusnya konsep-konsep terapi sebegini perlu dikaji dan sebolehnya mampu menjadi pilihan alternative kepada pesakit tanpa perlu menghadapi sebarang stigma.

Ada pula, proses ‘ucap’ dalam persembahan Main Puteri ini juga merupakan satu perkara menarik yang belum mendapat pendokumentasian penuh dari pihak-pihak bertanggungjawab. Melihat kepada keberkesanannya dalam menyentuh dan berhubung dengan pesakit masih menjadi

satu misteri. Apakah factor terapeutik yang terdapat di dalam setiap ‘ucap’ yang disampaikan oleh Tok Teri. Begitu juga kesnya dengan rebab yang mempunyai tona bunyi yang seakan-akan manusia dikatakan membantu memanggil keluar angin pesakit. Apakah terdapat juga factor terapeutik pada bunyi rebab tersebut? Atau ia merujuk kepada keseluruhan ensemble?



## **5.2 CADANGAN**

Main Puteri adalah seni penyembuhan terapeutik yang hampir pupus, terhad kepada generasi yang lebih tua, yang dibesarkan di tradisi ritualistik lama, mempercayai kewujudan roh yang menjejaskan kehidupan mereka serta mempercayai angin dalam jiwa-jiwa yang perlu diseimbangkan secara berkala. Sekarang ianya bukan lagi elemen integral dalam kehidupan masyarakat. Pada zaman dahulu apabila perubatan klinikal moden (hospital) terhad kepada kawasan bandar tertentu dan tidak terdapat di pedalaman luar bandar, penyembuhan tradisional adalah sumber utama penjagaan kesihatan. Tetapi kini dengan hospital moden dan klinik kerajaan dan swasta dengan teknologi terkini rawatan klinikal boleh diakses oleh hampir semua penduduk kecuali mereka yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, upacara penyembuhan tradisional seperti Main Puteri telah menjadi anakronisme.

### **5.2.1 CADANGAN KEPADA MASYARAKAT**

Melalui kajian ini, masyarakat diharap mendapat pendedahan tentang psikodrama sebagai satu pilihan terapi rehabilitasi pesakit yang mempunyai masalah kecelaruan mental dan represi emosi yang agak serius. Melalui proses yang tertentu, pesakit atau klien akan mendapat segala bantuan yang diperlukan tanpa melangkaui batas sempadan agama. Begitu juga stigma mengenai masalah kesihatan mental yang diharap akan dapat dibincangkan dengan lebih terbuka. Proses terapi psikodrama tidak membawa kepada bahaya dan ia dipantau oleh pengamal yang sudah terlatih.

## 5.2.2 CADANGAN KEPADA KERAJAAN

Pihak bertanggung jawab seperti badan di harap mampu memberi satu peluang kepada psikodrama untuk berkembang di Malaysia supaya rakyat akan lebih bebas stress dan lebih terbuka dalam konteks emosional. Antara langkah yang boleh diambil termasuklah memberi satu ruang klinikal kepada setiap bentuk psikodrama untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat sekaligus meningkatkan indeks kesejahteraan psikologi dan indeks kebahagiaan Malaysia. Sebarang bentuk geran kajian dan pelaksanaan adalah perlu bagi mengembangkan lagi kajian akademik dan klinikal terhadap psikodrama ini. Seterusnya adalah untuk menaikkan taraf psikodrama yang endemik di Malaysia iaitu Main Puteri sebagai harta negara melalui badan badan antarabangsa seperti UNESCO dan WHO. Ini akan menaikkan lagi martabat negara di mata dunia sekaligus menggalakn lagi pengkaji luar yang bertauliah untuk mengkaji mengenai potensi terapeutik Main Puteri ini. Ia juga berupaya untuk dijadikan satu bentuk pelancongan budaya kerana sifat Main Puteri yang unik dan penuh dan unsur budaya Melayu. Tidak mengharankan sekiranya ia berjaya kerana merupakan satu bentuk kesenian warisan Malaysia. Penubuhan akademi juga perlu bagi memastikan seni-seni sebegitu tidak pupus ditelan zaman akibat kekurangan pelapis.



### 5.3 KESIMPULAN

Muktamadnya kajian ini telah Berjaya menjawab segala persoalan dan objektif yang telah dibuat dari awal kajian. Hasil temubual bersama informan dan penyertaan pengkaji dalam keduasesi psikodrama tersebut telah memberi satu kesedaran baru dalam menghargai kepentingan kesihatan mental serta betapa fleksibelnya seni persembahan itu sehingga mampu dijadikan satu bentuk terapi yang mensasarkan terapi secara khusus. Penghargaan baru dapat dibuat kepada seni warisan Melayu iaitu Main Puteri yang mana turut mempunyai ciri-ciri universal sebuah teater terapi. Ini menunjukkan kearifan lokal kita setanding dengan negara dunia pertama yang lainnya. Sekiranya seni ini Berjaya diangkat, diberikan latar klinikal, dan dimurnikan lagi prosesnya, maka ia mungkin akan satu pelaburan yang Berjaya dalam mempromosikan kesenian dan kearifan setempat ke tahap antarabangsa, lantas meletak nama Main Puteri sebagai satu psikodrama yang diiktiraf keberkesanannya secara klinikal dan tidak hanya dilabel sebagai ritual misitisme semata-mata.

**RUJUKAN**

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul Wilkins. (1999). *Locus, Matrix and Status Nascendi: The Birth of Psychodrama*. London: SAGE Publications.
- Marcia Karp. (1998). An Introduction to Psychodrama. *The Handbook of Psychodrama*. East Sussex. Routledge
- Kipper, D.A. (1986) *Psychotherapy through Clinical Role Playing*, New York: Brunner/ Mazel
- Jung, C.G. (1964) *Man and his Symbols*, London: Aldus Books.
- Moreno, J.L. (1946) *Psychodrama, First Volume*, Beacon, NY: Beacon House.
- Moreno, J.L. and Moreno, Z.T. (1969/1975) *Psychodrama, Third Volume*, Beacon, NY: Beacon House.
- Kellermann, P.F. (1992) *Focus on Psychodrama: The Therapeutic Aspects of Psychodrama*, London: Jessica Kingsley.

Laplanche, J. and Pontalis, J.B. (1967/1973) *The Language of Psychoanalysis*, London:  
Hogarth Press.

Landy, R.J. (1994). *Drama therapy concepts, theories and practices*. Illinois,  
U.S.A: Charles C. Thompson Publisher.

Scheff, T. (1979). *Catharsis in healing, ritual, and drama*. England:  
University of California Press.

M. G. Nasuruddin, S. Ishak (2014). *Main Puteri Traditional Malay Healing  
Ceremony*

Retrieved April 24, 2021,

<https://pdfs.semanticscholar.org/ed2f/ab0170236846bb5df17a1d9c1d7e34e8fe46.pdf>

D. Laura, J. Sylvie, S. Aurore. (2015). The Effect of Music Therapy on Depression and Anxiety.  
*Annals of Depression and Anxiety*

Retrieved April 29, 2021

<https://shorturl.at/efDH8>